

19 MAY 2002

Mahathir-Merit

KERAJAAN AKAN KAJI SISTEM MERIT, KATA DR MAHATHIR

SHAH ALAM, 19 Mei (Bernama) -- Kerajaan akan mengkaji sistem merit yang digunakan untuk mengambil pelajar-pelajar ke universiti tempatan supaya ia adil kepada semua pihak di negara ini, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kita akan kaji. Kita tak sangka kerana sistem merit ini peratusan Bumiputera akan meningkat, kita sangka dia (peratusan Bumiputera) akan menurun dan kalau dia menurun tentulah orang lain semua akan seronok.

"Tapi tiba-tiba kita dapati melalui sistem merit ini, kuota Bumiputera meningkat tetapi kita harus ingat bahawa dalam universiti swasta hampir tidak ada Bumiputera langsung. (Sama ada) Kita hendak guna Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) bukan sistem matrikulasi...kita akan kaji," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan MIC ke-56 di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas pengurangan pelajar India ke universiti-universiti kerajaan tahun ini selepas penggunaan sistem merit dilaksanakan. Seramai 2,500 pelajar India layak untuk memasuki universiti tahun ini tetapi hanya 1,500 pelajar diberi tempat mengikut sistem merit.

Dr Mahathir berkata pelajar-pelajar Bumiputra berpeluang menduduki peperiksaan STPM atau Matrikulasi kerana pada masa dahulu bilangan Bumiputra yang memasuki universiti tempatan terlalu kecil dan sebab itu kerajaan membenarkan mereka berbuat demikian.

"Tetapi kalau dengan menggunakan sistem merit dan ia lebih adil kita pakai merit," katanya.

Ditanya mengenai kedudukan pelajar-pelajar India yang sama taraf dengan pelajar Bumiputera pada masa dahulu dan jika mereka juga akan diberi peluang menduduki peperiksaan matrikulasi, beliau berkata kerajaan akan kaji cadangan itu.

Beliau berkata kerajaan juga akan mengkaji jika sistem merit ini akan digunakan tahun depan.

"Yang menjadi masalah bukan kerana tiada merit tapi kerana ramai daripada penuntut bukan Bumiputera tidak mengambil STPM itulah yang jadi masalah," katanya.

"Kalau mereka ambil STPM kita yakin tahun depan jumlah mereka akan bertambah. Kalau dengan sistem merit bilangan Bumiputra berkurangan apakah mereka tak akan seronok...tentu mereka celebrate, bermakna bahawa bilangan mereka meningkat dan Bumiputera pula berasa tak seronok," katanya.

Beliau berkata perlu diingatkan keseluruhannya penuntut universiti dalam negeri, luar negeri, swasta dan awam didapati peratusan Bumiputera masih kurang dan sebagai contoh pelajar-pelajar Malaysia di Amerika Syarikat berjumlah 17,000 tetapi hanya terdapat 800 pelajar Bumiputera.

Katanya untuk membangunkan masyarakat Malaysia kerajaan telah membina sekolah-sekolah baru tetapi sekarang nampaknya kerajaan terpaksa mencari jawapan mengapa mereka tidak dapat memasuki universiti tempatan.

"Sudah tentu kita tidak boleh melakukannya dalam sekelip mata, ia mengambil masa, ia juga mengambil masa bagi mengagihkan peruntukan...sekolah lain juga perlukan peruntukan," katanya.

Beliau berkata masyarakat India perlu berusaha keras dan MIC sudah lama menggesa mereka supaya bersedia menghadapi cabaran baru.

-- BERNAMA

SR AKT MOZ